



Notis Tawaran Bilangan :
HMSF / TDR / 01 / 2024

Tajuk :
For Service Level Maintenance Contract And Related Works (Package C)
For His Majesty The Sultan's Flight Hangar 1 & Hangar 2 Fire Protection System

Tarikh Tutup :
Selasa, 30 April 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai Sijil Pendaftaran Akta nama-nama perniagaan (Section 16 & 17) atau Form X yang sah dan mempunyai Kelas III ke atas.
 2. Syarikat tempatan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja pemeliharaan bangunan. Syarikat dimestikan juga menghadapkan profil syarikat (*company profile*) ke atas pengalaman kerja yang pernah dilaksanakan dan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.
 3. Dokumen tawaran berharga BND500.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi daripada Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli yang Maha Mulia, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon +673 2460043 sambungan 2109 & 2180. Tarikh akhir mengambil dokumen tersebut adalah pada 30 Mac 2024.
 4. Penender mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
 5. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemas kini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran:
 - i) Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 & 17 atau Form X;
 - ii) Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan yang dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;
 - iii) Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (Tax Compliance Certificate) dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang terkini dan sah;
 - iv) Statement of Annual Returns yang terkini dan sah;
 - v) Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah.
- Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.
6. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
 7. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti syarikat dan di alamatkan kepada:

Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara
Tingkat 1, Kementerian Kewangan dan Ekonomi